

'Firma audit tetap tak puas hati mahu bertemu Najib'

KPMG mahu tahu info pelaburan sebelum tandatangan penyata kewangan

Oleh Ahmad Johari Mohd Ali
ajohari@bh.com.my

Kuala Lumpur: Mahkamah Tinggi diberitahu, walaupun pengurusan 1Malaysia Development Berhad (1MDB) cuba memberikan maklumat sebanyak mungkin kepada KPMG, firma audit itu tetap tidak berpuas hati dan bertegas mahu bertemu dengan Datuk Seri Najib Razak yang juga pemegang saham tunggal.

Bekas Ketua Pegawai Kewangan (CFO) 1MDB, Azmi Tahir dalam keterangannya ketika menjawab soalan peguam Wan Aizuddin Wan Mohammed pada sesi pemeriksaan balas semalam berkata, permintaan untuk bertemu Najib timbul ketika perbualan telefon dengan rakan kongsi KPMG, Ahmad Nasri Abdul Wahab.

Azmi berkata, Nasri mengulangi KPMG hanya akan menandatangani penyata kewangan 1MDB 2013, jika mereka mendengar sendiri pengetahuan perdana menteri mengenai pelaburan luar ne-

gara dalam Brazen Sky Limited, iaitu sebuah entiti yang diperbadan di British Virgin Islands.

Brazen Sky Limited adalah syarikat Special Purpose Vehicle (SPV) yang ditubuhkan pada 12 Julai 2012 bagi tujuan mendapatkan balik dana pelaburan milik 1MDB yang dikaitkan dengan ahli perniagaan Low Taek Jho atau Jho Low.

Saksi itu berkata, beliau terkejut apabila mendengar permintaan firma audit itu dan bertanya sebab mahu berjumpa Najib.

"Mereka kata mahu mendengar daripada pemegang saham (Najib) bahawa semuanya baik-baik saja dan menyatakan jika semuanya dalam keadaan baik, mereka akan menandatangani (penyata kewangan 1MDB)," katanya.

Azmi berkata, selepas panggilan telefon berkenaan, beliau kemudian menghubungi Jho Low untuk memaklumkan mengenai permintaan KPMG kerana Jho Low mempersoal punca KPMG begitu berkeras untuk bertemu Najib.

Katanya, Jho Low bertanya sebab KPMG tetap mahu berjumpa perdana menteri dan tidak boleh menerima maklumat itu yang disediakan oleh pengurusan 1MDB.

"Saya beritahu Jho Low, jika pertemuan dengan perdana menteri memuaskan, mereka akan menandatangani. Jho Low berkata, adakah saya pasti me-

ngenainya? Saya jawab ya," katanya.

Dalam pernyataan saksinya sebelum ini, Azmi berkata, Susulan itu satu mesyuarat diadakan di rumah Najib di Langgak Duta pada malam 15 Disember 2013, dan dalam pertemuan itu, Najib membincangkan perkara yang digariskan oleh Jho Low melalui e-mel dengan wakil KPMG, Datuk Johan Idris.

Azmi berkata, dalam mesyuarat berkenaan, Johan bertanya kepada Najib berkenaan pelaburan di Bridge Global Absolute Return Fund SPC dan Najib menjawab, beliau tahu berkenaan pelaburan Brazen Sky Limited di Bridge Global Absolute Return Fund SPC.

Katanya, selepas mesyuarat berkenaan, KPMG masih tidak menutup laporan kewangan tahun 2013 kerana tidak berpuas hati dengan jawapan yang diberikan dan tidak lama kemudian, KPMG digantikan dengan firma audit Deloitte, selepas KPMG ditamatkan kontraknya oleh 1MDB, pada akhir tahun 2013.

Najib, 68, berdepan empat pertuduhan iaitu menggunakan kedudukan beliau untuk memperoleh suapan berjumlah RM2.3 bilion dana 1MDB dan 21 pertuduhan pengubahan wang haram membabitkan jumlah yang sama.

Perbicaraan di depan Hakim Datuk Collin Lawrence Sequerah bersambung hari ini.